



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, serta **Sijil Suruhanjaya Tenaga (SST)** (bagi kerja elektrik sahaja). Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 3 bulan selepas tarikh tutup sebut harga.
2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini juga **WAJIB** berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran boleh dibuat di Bahagian Perolehan mengikut masa yang telah ditetapkan. Kaunter akan ditutup pada 8 Oktober 2025 bagi memberi laluan kepada sesi jualan dan akan dibuka semula pada 15 Oktober 2025.
3. Taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi menawarkan harga yang munasabah. Sekiranya memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut, boleh berhubung dengan Jabatan yang berkaitan (seperti dalam naskah sebut harga). **Borang Sebut Harga boleh diperoleh di Bahagian Perolehan, Blok A, MPPD. Kontraktor WAJIB membawa dokumen-dokumen secara 'hard copy' seperti yang dinyatakan pada perenggan 1 semasa proses pembelian naskah sebut harga. Sebarang dokumen dalam bentuk digital atau 'soft copy' tidak akan diterima.**
4. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN.** Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ASAL yang ditandatangani oleh pemilik syarikat bagi pembelian dokumen.

5. Setiap dokumen sebut harga boleh dibeli di **Bahagian Perolehan, Blok A, MPPD mulai 8 Oktober 2025 (Rabu)**. **Kontraktor dinasihatkan untuk menyemak bil sebelum membuat pembayaran. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor.**
6. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga **sebelum atau pada 14 Oktober 2025 (Selasa) jam 12.00 tengah hari di Bahagian Perolehan, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson.** Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan. MPPD tidak akan menerima sebut harga yang lewat daripada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
7. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Walau bagaimanapun Majlis berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai.
8. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
9. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
10. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

Tandatangan

: 

Nama Pegawai

: **HASNOR BIN ABD HAMID**

Jawatan

: **YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

Tarikh

: **6/10/2025**

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan
S0146/25 RM50.00	CADANGAN MEMBINA PAUN HAIWAN TERBIAR SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21

Kaunter Jualan Sebut Harga Beroperasi Mengikut Ketetapan Seperti Berikut :-

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi - 12.30 tengahari
	-	2.30 petang - 3.30 petang
Jumaat	-	8.30 pagi - 12.15 tengahari

***NOTA – Hanya Surat Kebenaran Khas yang diperolehi dari CIDB / PKK sahaja yang diterima dan diperakukan.**

Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB / PKK tidak akan diterima.